

RUU pembiayaan politik, IPCMC dibentang bulan depan

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR - Kerajaan dijangka akan membentangkan dua rang undang-undang (RUU) baharu berkaitan rasuah pada persidangan Dewan Rakyat bulan depan.

Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GI-ACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, antara rang undang-undang yang akan dibentangkan nanti membabitkan pembiayaan politik.

“Kerajaan juga dijangka membentangkan rang undang-undang berkaitan Ombudsman (Biro Pengaduan Awam).

“Selain itu, rang undang-undang berkaitan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dijangka diluluskan pada sidang sama,” katanya pada sidang akhbar Forum Integriti Anti-Rasuah dan

Integriti di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan usaha kerajaan untuk menggubal undang-undang berkaitan pembiayaan dana parti politik sudah di peringkat akhir dan akan didraf Jabatan Peguam Negara sebelum di kemukakan



ABU KASSIM

dalam mesyuarat Kabinet.

Rang undang-undang itu dikatakan menyentuh pelbagai aspek termasuk-

lah amaun, proses penerimaan dana dan hukuman, selain sebahagian inisiatif memastikan ketelusan serta akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.

Dalam pada itu, Abu Kassim memberitahu, kerajaan kini giat menjalankan sesi rundingan bagi memberi pemahaman kepada pihak terlibat terutama syarikat komersial sebelum Seksyen 17A Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dikuatkuasakan Jun tahun depan.

“Apa yang penting individu atau sesebuah organisasi memahami pelaksanaannya kelak.

“Banyak penerangan yang akan dilakukan sehingga kerajaan berpuas hati bahawa semua faham mengenai akta tersebut,” jelasnya.

Akta tersebut telah diluluskan di Parlimen pada 5 April tahun lalu yang memperuntukkan kesalahan rasuah oleh organisasi

komersial.

Melalui seksyen berkenaan, organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau kakitangannya terlibat dengan jenayah rasuah.

Hukuman yang dipertanggungjawabkan jika sesebuah organisasi komersial didapati bersalah adalah denda tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan atau RM1 juta, yang mana lebih tinggi atau penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.